

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Overdraf)

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang overdraf anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu, oleh itu anda harus membacanya juga.



Bangkok Bank

Untuk Pinjaman SME

Tarikh: 30 Oktober 2025

1

Apakah maksud Overdraf ("OD")?

Kemudahan Overdraf (OD) adalah kemudahan pusingan yang ditawarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di mana faedah dikira berdasarkan baki harian dan hanya dikenakan ke atas jumpah yang digunakan sahaja. Anda boleh membuat pengeluaran sebarang amaun daripada akaun OD, tertakluk kepada had OD yang diluluskan.

2

Ketahui kewajipan anda

- Kadar Faedah : ____% setahun (p.a.) + BLR*
- Faedah dikira setiap hari berdasarkan jumlah yang digunakan.
- Yuran komitmen: 1% p.a. pada bahagian harian kemudahan OD yang tidak digunakan jika jumlah atau agregat kemudahan OD yang diberikan oleh Bank melebihi RM250,000-00 atau had lain yang mungkin ditentukan oleh Bank.

**Base Lending Rate (BLR) (Kadar Pinjaman Asas). BLR ialah kadar faedah minimum yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas pinjaman kadar berubah-ubah. Ia dikira berdasarkan kos dana bank (termasuk Kadar Polisi Semalaman atau OPR), keperluan kecairan, kos pentadbiran dan pertimbangan dalaman bank*

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut: -

- **Duti Setem**
Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989).
- **Yuran Jaminan "Credit Guarantee Corporation (CGC)" (jika berkenaan)**
Yuran Jaminan dikenakan berdasarkan skim jaminan ____CGC.
Yuran jaminan sebanyak ____% akan dikenakan pada bahagian yang bercagar dan ____% akan dikenakan pada bahagian tidak bercagar.
Yuran perlu dibayar setiap tahun dan akan dikutip awal (sebelum pengeluaran) untuk tahun pertama; dan debit terus ke akaun pinjaman anda untuk tahun berikutnya.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Sila baca dan fahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Pastikan anda mampu membayar bayaran balik yang lebih tinggi jika Kadar Polisi Semalaman (OPR) meningkat.



Pastikan bayaran balik anda dibuat tepat pada masanya. Hubungi kami sekiranya anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran ansuran bulanan.

3

Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal menunaikan kewajipan anda?

- 1) Denda pembayaran lewat: 1% p.a. (pada asas baki harian secara ansuran). Caj untuk pembayaran lewat tidak akan ditambah kepada jumlah tertunggak untuk mengira faedah tertunggak.
- 2) Hak untuk Menolak: Bangkok Bank Berhad mempunyai hak untuk menggunakan sebarang baki kredit dalam akaun deposit anda yang dikekalkan dengan Bangkok Bank untuk menetapkan lebihan dalam akaun pinjaman.
- 3) Bangkok Bank Berhad mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada) dan mencairkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada).

4

Terma Utama Lain

- Tempoh : Dibayar balik atas permintaan dan tertakluk kepada semakan tahunan
- Yuran Penamatan Awal: Tidak Berkenaan
- Perlindungan insurans: Ini bukan wajib. Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans sendiri.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai kemudahan anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-21746802/6919



Lawati kami di:
www.bangkokbank.com.my



E-mel kami di:
creditmkting.kl@bangkokbank.com
atau compliance.kl@bangkokbank.com

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Bangkok Bank Berhad telah memberikan saya satu salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS.

** Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian berikutnya terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh :